

20/01/2002

Amaran PM disokong

Rahman Hashim; Rozlee Abdullah; Matzidi Dris

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak menyambut baik amaran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar pekerja asing pulang ke negara masing-masing jika merasakan negara ini tidak sesuai bagi mereka mencari rezeki.

Mereka berpendapat, kenyataan Perdana Menteri bahawa warga Indonesia akan menjadi pilihan terakhir bagi mengisi kekosongan tenaga kerja sebagai amaran keras agar mereka tidak membuat kacau di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin berkata, kenyataan Dr Mahathir itu perlu diambil kira berikutan pembabitan mereka dalam banyak kekacauan.

"Kita sedih tindakan ini terpaksa dilakukan kerana peristiwa penentangan rakyat Indonesia di tanah air kita ini bukan pertama kali," katanya selepas melawat Briged Pasukan Gerakan Am (PGA) Sabah di Kota Kinabalu, semalam.

Saranan itu timbul ekoran kejadian rusuhan 500 pekerja Indonesia kilang tekstil di Nilai, Negeri Sembilan, Khamis lalu yang bertindak ganas bagi membantah penahanan 16 rakan mereka yang disahkan positif dalam ujian air kencing bagi mengesan dadah.

Zainal Abidin berkata, banyak contoh kekacauan yang menunjukkan pembabitan rakyat dari negara itu.

"Dalam kejadian di Pekan Nanas (Johor), ada yang ditahan kerana menyusup masuk dan ada yang kita ambil tindakan kerana mereka bekerja dengan kebenaran tetapi menyalahgunakan dadah," katanya.

Di Melaka - Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, meminta kerajaan mengenakan hukuman berat, termasuk penjara dan sebatan terhadap rakyat asing yang menimbulkan kekacauan di negara ini.

Katanya, selepas menjalani hukuman itu, permit kerja warga asing terbabit, ditamatkan dan dihantar pulang ke negara asal serta dilarang memasuki negara ini untuk tempoh tertentu.

Selain itu, beliau turut meminta sektor perindustrian menggunakan teknologi tinggi dalam perindustrian bagi mengurangkan pergantungan terhadap tenaga manusia.

"Tindakan keras yang dilakukan kerajaan Singapura selama ini, membuatkan rakyat Indonesia tidak berani mengingkari undang-undang negara itu, sebaliknya mereka memilih Malaysia untuk berbuat demikian," katanya.

Oleh itu, sudah sampai masanya kerajaan mengubah pendirian sedia ada dan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, jelas menunjukkan pendirian tegas kerajaan dalam mengingatkan rakyat asing supaya tidak membuat kacau di negara ini.

DI Kuching - Kerajaan Sarawak akan memperketatkan undang-undang dan peraturan pengambilan pekerja asing, terutama membabitkan warga Indonesia, sebagai langkah memastikan mereka tidak bertindak di luar batasan.

Menteri Muda Pembangunan Perindustrian negeri, Datuk Awang Tengah Ali Hasan, mahu semua pemilik syarikat, sama ada kilang atau ladang yang mengambil pekerja asing, khususnya warga Indonesia, lebih berhati-hati dan memastikan mereka mematuhi undang-undang dan peraturan.

Katanya, apa yang berlaku di Nilai, Negeri Sembilan, harus dijadikan pengajaran oleh pemilik kilang dan ladang yang mengambil pekerja asing.

"Jawatankuasa Khas Pekerja Asing yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Amar Abdul Aziz Husain dan dianggotai pegawai dari Jabatan Buruh Negeri, Jabatan Imigresen dan Polis yang telah diwujudkan sebelum ini, akan memantau perkara itu dari semasa ke semasa.

"Tugas utama jawatankuasa khas ini ialah mengkaji semua permohonan pengambilan pekerja asing yang dikemukakan oleh mana-mana syarikat yang memerlukan tenaga kerja," katanya.

(END)